



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11/2/2019	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Exco ketua operasi tembak babi

MELAKA - Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan dan Industri Asas Tani, Norhizam Hassan Baktee mengetuai sendiri operasi menembak babi hutan sebagaimana dijanjikan sebelum ini susulan tular video haiwan berkenaan berlari di kawasan dipercayai Banda Hilir sehari sebelum sambutan Tahun Baharu Cina.

Operasi Jumaat lalu itu turut disertai Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan) Melaka, Noorzakiah-anum Mohd Noh itu.

Norhizam berkata, kira-kira 15 orang terdiri daripada anggota Perhilitan dan pemburu berlesen yang mempunyai kepakaran mengesan dan menembak babi hutan terlibat dalam operasi berkenaan.

Katanya, tiga ekor babi hutan berjaya ditembak mati dalam operasi kira-kira tujuh jam itu.

"Operasi bermula dari jam 11.30 malam di sekitar kawasan Bukit Senjuang dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda milik Jabatan Perhilitan Melaka.

"Kesemua babi hutan itu ditembak ketika keluar dari kawasan semak samun di Bukit Senjuang," katanya.

Menurutnya, pemantauan kemudiannya dilakukan di beberapa lokasi lain sehingga ke Kuala Linggi

dan berakhir sekitar jam 6.15 pagi.

Beliau berkata, operasi akan dilakukan secara berterusan bagi membasmi haiwan liar berkenaan.

"Babi hutan mudah dikesan pada waktu hujan kerana haiwan ini akan menggali tanah bagi mencari makanan iaitu cacing.

"Namun dalam operasi ini kita guna umpan khas," katanya.

Jelasnya, haiwan ini dipercayai muncul kerana keluar mencari makan susulan habitat diceroboh.

Sebelum ini, kerajaan negeri menerusi Perhilitan akan mengambil tindakan segera berhubung ancaman babi hutan.



Norhizam dan Noorzakiah-anum menunjukkan tiga ekor babi hutan yang berjaya ditembak mati.